

**PERSEDIAAN PELAKSANAAN *LEARN AND WORK ASSIGNMENT (LWA)*
DALAM SESI LATIHAN INDUSTRI UNTUK PELAJAR KEJURUTERAAN
MEKANIKAL DI POLIMAS**

WAN ABDUL HAKIM BIN WAN ZAKARIA

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Ikhtisas Pendidikan

Fakulti Pendidikan Teknikal

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

ABSTRAK

Learn and Work Assignment (LWA) merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam mendapatkan penganugerahan sijil kemahiran daripada Jabatan Sumber Manusia. Model ini dibangunkan dan sesuai digunakan di industri bagi keperluan mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia yang menjadi sesuatu yang penting dalam kebolehpasaran kerja pada masa kini. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menentukan kesesuaian pelaksanaan *Learn and Work Assignment (LWA)* untuk pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri. Melalui kajian ini, lima elemen yang terkandung dalam *Learn and Work Assignment (LWA)* telah dikaji penerapannya di dua industri yang berbeza iaitu industri *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)*. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan pengedaran soal selidik kepada sampel responden yang dipilih. Sampel difokuskan kepada pelajar yang telah menjalani latihan industri di *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)*. Aras signifikan yang telah ditetapkan adalah pada 0.05 dan data telah dianalisis menggunakan perisian *SPSS* versi 16.0 untuk mendapatkan nilai peratusan, skor min dan statistik inferensi. Berdasarkan analisis kajian berpandukan persoalan-persoalan kajian yang telah dibina, keputusan kajian mendapati bahawa elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* adalah lebih diterapkan di industri *Multi-National* berbanding *Small Medium Enterprise (SME)*. Namun, aras penerapan elemen-elemen tersebut masih berada pada tahap yang sederhana bagi kedua-dua industri. Secara keseluruhan kajian mendapati kedua-dua industri masih belum bersedia dalam pengimplementasian *Learn and Work Assignment (LWA)* terhadap pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri.

ABSTRACT

Learn and Work Assignment (LWA) is one of the methods used to obtain skilled certification from Jabatan Sumber Manusia, Malaysia. The model is aimed to be implemented on our local industries and it allows student to possess Sijil Kemahiran Malaysia which currently became prominent in job marketability. Therefore, this study was conducted in identifying the suitability of LWA and its effectiveness on students that have undergone the industrial training. There are five elements under LWA and study on its effectiveness has been carried out in different industries; they are Multi-National Industry and Small Medium Enterprise (SME). This is a quantitative study and involving the distribution of questionnaires on selected respondents. The study focused on students who have undergone the industrial training at Multi-National and Small Medium Enterprise (SME) companies. Significance level was set at 0.05 and all data were analysed by using SPSS Version 16.0, this is to obtain the percentage, min, and statistical inference. Based on the analysis, result shows that most of the LWA elements are widely implemented at Multi-National industry compare to Small Medium Enterprise (SME). However, the level of implementation is still at a moderate level for both industries. Overall, the study found that both industries still not ready with the implementation of LWA at their company.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	3
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Hipotesis Kajian	9
1.6	Skop Kajian	9
1.7	Batasan Kajian	10
1.8	Kepentingan Kajian	10

1.9	Kerangka Konsep	12
1.10	Definisi Istilah	14
1.11	Kesimpulan	15

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	16
2.1	<i>Learn and Work Assignment (LWA)</i>	18
2.1.1	Peranan Jurulatih atau Pengajar	21
2.1.2	Pemeringkatan Tugas <i>Learn and Work Assignment (LWA)</i>	22
2.1.3	Kerjasama DiAntara Jurulatih dan Pengajar Di Institusi Pendidikan	23
2.2	<i>Work Based Learning (WBL)</i>	24
2.3	Kecekapan dan Pembelajaran	25
2.4	Penguasaan Kompetensi (Penilaian Majikan)	28
2.5	Penguasaan Kemahiran Boleh Kerja (Penilaian Pelatih)	30
2.6	Pengajaran dan Pengalaman Latihan Industri	32
2.7	Latihan Industri	33
2.8	Kemahiran Yang Diperlukan	34
2.9	Kemahiran Belajar	35
2.10	Kemahiran Membuat Rujukan	36
2.11	Kemahiran Menguruskan Masa	36
2.12	Kemahiran Menguruskan Projek	37
2.13	Sistem Penilaian	39
2.14	Kemahiran Sosial	39
2.14.1	Kerja Berpasukan	41
2.14.2	Kepimpinan	42
2.14.3	Komunikasi Dalam Organisasi	43
2.14.4	Menguruskan Projek	45
2.15	Kemahiran Menyelesaikan Masalah	46



2.16	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Kemahiran Menyelesaikan Masalah	46
2.16.1	Faktor Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran	47
2.16.2	Faktor Pengalaman	47
2.16.3	Faktor Pemilihan Bidang Pengajian	48
2.16.4	Faktor Perbezaan Jantina	49
2.17	Kesimpulan	51

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pengenalan	52
3.1	Rekabentuk Kajian	52
3.2	Populasi Dan Persampelan Kajian	53
3.2.1	Soal Selidik	54
3.2.2	Kajian Rintis	56
3.3	Lokasi Kajian	59
3.4	Prosedur Analisis Data	60
3.4.1	Skor Min	62
3.5	Perancangan Kajian	65
3.6	Kesimpulan	66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	67
4.1	Analisis Demografi Responden	68
4.2	Analisis Data Persoalan Kajian Pertama (1)	71
4.3	Analisis Data Persoalan Kajian Kedua (2)	72
4.4	Analisis Data Persoalan Kajian Ketiga (3)	74
4.5	Kesimpulan	79

BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	80
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	81
5.1.1	Penerapan Elemen-Elemen <i>Learn and Work Assignment (LWA)</i> Yang Diberikan Oleh Industri <i>Multi-National</i> Dalam Bidang Mekanikal Sewaktu Menjalani Latihan Industri	81
5.1.2	Penerapan Elemen-Elemen <i>Learn and Work Assignment (LWA)</i> Yang Diberikan Oleh Industri <i>Small Medium Enterprise (SME)</i> Dalam Bidang Mekanikal Sewaktu Menjalani Latihan Industri	83
5.1.3	Perbezaan Penerapan Elemen <i>Learn and Work Assignment (LWA)</i> Diantara Industri <i>Multi-National</i> Dan <i>Small Medium Enterprise (SME)</i> Dalam Bidang Mekanikal	85
5.2	Kesimpulan Kajian	87
5.3	Cadangan	88
5.4	Kesimpulan	90
RUJUKAN		91
LAMPIRAN		98



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Peringkat Kitaran Model Kerja <i>Learn and Work Assignment (LWA)</i>	13
3.1	Pembangunan Soal Selidik Mengikut Bahagian	54
3.2	Format Skala Likert	55
3.3	Interpretasi Skor Bagi Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	58
3.4	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Untuk Keseluruhan Soal Selidik	58
3.5	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Untuk Setiap Bahagian Soal Selidik	59
3.6	Kaedah Analisis Item Bagi Soal Selidik	62
3.7	Tafsiran Skor Min Beserta Interpretasi	63
3.8	Interpretasi Beserta Implikasi	64
4.1	Jumlah Sampel Mengikut Jantina Dan Program Pengajian	68
4.2	Jumlah Sampel Mengikut Kursus Dan Tempat Menjalani Latihan Industri	70
4.3	Penerapan Elemen <i>Learn And Work Assignment (LWA)</i> Di Industri <i>Multi-National</i> Dalam Bidang Mekanikal Sewaktu Menjalani Latihan Industri	71
4.4	Penerapan Elemen <i>Learn And Work Assignment (LWA)</i> Di Industri <i>Small Medium Enterprise (SME)</i> Dalam Bidang Mekanikal Sewaktu Menjalani Latihan Industri	73



4.5	Perbezaan Penerapan Elemen <i>Learn And Work Assignment (LWA)</i> Di Industri <i>Multi-National</i> Dan <i>Small Medium Enterprise (SME)</i> Dalam Bidang Mekanikal Sewaktu Menjalani Latihan Industri	75
4.6	Perbezaan Yang Signifikan Antara Min Penerapan Yang Menjalani Latihan Industri Di Industri <i>Multi-National</i> Dan <i>Small Medium Enterprise (SME)</i>	76
4.7	Keputusan Ujian-T Bebas – Perbandingan Tahap Penerapan Elemen-Elemen <i>Learn And Work Assignment (LWA)</i> Diantara Industri <i>Multi-National</i> Dan <i>Small Medium Enterprise (SME)</i>	79



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	98
B	Pengesahan Pakar	105
C	Analisis Kajian Rintis	111
D	Analisis Kajian	115
E	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	127
F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	129
G	Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	131
H	Carta Gantt	132



PTTA UNIVERSITI
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian	13
2.1	Langkah Kerja Bagi Model <i>Learn and Work Assignment (LWA)</i>	19
2.2	Tahap Kesukaran <i>Learn and Work Assignment (LWA)</i>	23
3.1	Histogram Menunjukkan Data Bertaburan Normal	61
3.2	Carta Alir Perancangan Kajian	65
4.1	Perbezaan Nilai Min Penerapan Elemen <i>Learn and Work Assignment (LWA)</i> Kepada Pelajar Yang Menjalani Latihan Industri Diantara Industri <i>Multi-National</i> Dan <i>Small Medium Enterprise (SME)</i>	78



SENARAI SINGKATAN

<i>LWA</i>	-	<i>Learn and Work Assignment</i>
<i>WBL</i>	-	<i>Work-Based Learning</i>
<i>IPTA</i>	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
<i>IPTS</i>	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
<i>P&P</i>	-	Pengajaran dan Pembelajaran
<i>SPSS</i>	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
<i>α</i>	-	<i>Alpha-Cronbach</i>
<i>KPTM</i>	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
<i>POLIMAS</i>	-	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
<i>LI</i>	-	Latihan Industri
<i>MN</i>	-	<i>Multi-National</i>
<i>SME</i>	-	<i>Small Medium Enterprise</i>
<i>GLC</i>	-	<i>Government-Linked Companies</i>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan suatu perkara yang perlu diberi keutamaan terhadap setiap individu. Antara perkara penting yang perlu diberi penekanan adalah tugas yang diberikan sewaktu menjalani proses pengajaran dan pembelajaran. Latihan sepatutnya berkaitan dengan pekerjaan sebenar individu. Jika latihan yang diterima tidak berkaitan dengan pekerjaan, pelatih akan kurang mengaplikasi latihan dalam pekerjaan (Facteau, *et al* 1995). Ini menunjukkan bahawa latihan dan tugas yang diberikan kepada individu mestilah bersesuaian dengan pengetahuan yang dimiliki dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Setiap tugas yang diberikan akan dinilai dan diberikan mata bagi mengetahui prestasi seseorang individu terhadap apa yang telah mereka kerjakan. Maklum balas berlaku apabila maklumat diberikan kepada individu mengenai prestasi mereka. Penggunaan maklum balas yang salah sewaktu latihan menyekat pembelajaran dan pengaplikasiannya (Wexley & Thornton, 1972).

Menurut Underwood (1991), reka bentuk pengajaran yang lemah boleh menghalang pembelajaran dan pemahaman individu. Ini membawa kepada satu ketidakupayaan untuk mengaplikasi pembelajaran di tempat kerja. Misalnya, tidak mempunyai persamaan (ketepatan fizikal atau psikologikal) antara suasana latihan dan keperluan pekerjaan sebenar boleh menyekat pembelajaran dan pemindahan. Keperluan terhadap garis panduan tatakerja dalam melakukan latihan amali akan

memberi satu cara kerja yang bersistematik dan bertepatan dengan kesediaan individu itu sendiri dalam menjalankan tugas. Ini memberikan gambaran bahawa setiap tugas latihan yang diberikan kepada individu di tempat kerja memerlukan suatu kaedah yang bersesuaian dan bertepatan dengan pengetahuan dan keupayaan individu itu sendiri. Justeru itu, dengan pendidikan dan latihan kompetensi tenaga kerja boleh ditingkatkan. Ini bermakna, kompeten merujuk kepada keupayaan individu melakukan tanggungjawab kerja, manakala kompetensi merujuk kepada prestasi sebenar individu dalam situasi tertentu (McConnell, 2001).

Antara pengetahuan yang dapat diperolehi dengan dengan cepat dan berkesan adalah sewaktu pelajar-pelajar menjalani latihan industri. Latihan industri dijalankan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak pusat pengajian dan bertujuan untuk memberi pendedahan yang sebenar terhadap pengetahuan teori yang telah dipelajari di peringkat pusat pengajian. Latihan industri biasanya dijalankan oleh pelajar-pelajar tiga industri yang dikelaskan sebagai *Government Linked-Companies (GLC)*, *Multi-National Corporation (MNC)* dan *Small Medium Enterprise (SME)*. Setiap pelajar yang menjalani latihan industri ini akan diberikan tugas yang perlu diselesaikan sepanjang tempoh menjalani latihan industri ditempat tersebut. Jika diteliti, latihan industri yang dijalankan oleh pelajar-pelajar aliran teknikal dan vokasional adalah sangat penting dalam usaha pihak kerajaan melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran serta memenuhi kehendak pasaran semasa.

Oleh yang demikian, komponen-komponen yang diterapkan dalam langkah untuk meningkatkan serta menggalakkan pelajar-pelajar mendalami pengetahuan kejuruteraan yang bertepatan dengan pergerakan peredaran dan kecanggihan teknologi semasa perlu digarap dan diketengahkan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti pihak kerajaan dan pusat-pusat pengajian itu sendiri. Menerusi persepsi Idris (2002) yang menyatakan bahawa pendidikan teknikal dan vokasional turut mempunyai komponen akademik yang lain seperti bidang sains, kesusasteraan dan bahasa serta matematik. Tetapi bidang berkaitan vokasional ini mempunyai lebih komponen yang bersifat teknikal dan fizikal seperti kejuruteraan, penyelenggaraan mesin, pengimpalan, pertukangan yang kurang memerlukan bahasa dan lebih disifatkan sebagai kemahiran non-verbal berbanding bidang akademik yang agak verbal. Justeru itu, mengulas petikan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Bin Yaasin pada Mei 2011, beliau menyatakan bahawa disebabkan latihan vokasional ini dilihat sebagai salah satu kriteria penting dalam



membangunkan sesebuah negara. Kerajaan telah melancarkan satu sistem baru yang menggabungkan elemen pengajian dan suasana kerja melalui Sistem Latihan Dual-Nasional (SLDN) bagi melahirkan pekerja berpengetahuan (*k-workers*). SLDN merupakan sebuah program latihan yang dijalankan di dua tempat latihan iaitu 70 peratus latihan di tempat kerja sebenar di industri dan 30 peratus di pusat latihan. Dengan pendekatan ini, pelajar atau juga disebut sebagai perantis akan dapat menjalani latihan dengan melibatkan penggunaan teknologi terkini.

Berbeza dengan latihan industri yang dijalankan oleh pelajar-pelajar diploma kejuruteraan mekanikal yang perlu melalui latihan industri dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak pusat pengajian dalam usaha memberi penambahan terhadap pengetahuan sedia ada dengan merasai pengalaman suasana kerja yang sebenar. Ianya akan dinilai dan diberi markah bersesuaian dengan amalan, sikap dan sahsiah diri pelajar tersebut sepanjang menjalani tempoh latihan di industri- industri yang dipilih. Ini jelas dapat dilihat melalui kenyataan Mohamed Khalid (2011) bahawa matlamat kebolehpasaran ini meliputi usaha bagi membina upaya graduan agar berjaya untuk mendapat pekerjaan, mengekalkan pekerjaan dan meningkatkan kerjaya mereka, sekali gus memiliki nilai dan ciri-ciri yang dikehendaki oleh industri sejajar dengan keperluan pada abad ke-21. Bagi memantap dan meningkatkan keberkesanan usaha ini secara strategik, kementerian melancarkan Dasar Latihan Industri dan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT baru-baru ini. Melalui Dasar Latihan Industri IPT, pelajar diwajibkan menghadiri latihan industri sebelum mereka menamatkan pengajian bagi memberi pendedahan dan membiasakan diri dengan suasana pekerjaan.

1.1 Latar Belakang Masalah

Setiap pusat pengajian di Malaysia terutamanya yang melibatkan aliran teknikal dan vokasional mewajibkan pelajarnya mengikuti latihan industri bagi memberi pendedahan sebenar mengenai suasana kerja yang bakal dilalui oleh mereka pada masa hadapan ataupun setelah menamatkan pengajian. Politeknik diseluruh negara telah mewajibkan graduannya menjalani latihan industri bagi meningkatkan kemahiran yang telah dipelajari dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi

Swasta (IPTS) turut mewajibkan para pelajarnya menjalani latihan industri dan menjadikannya sebagai salah satu dasar yang dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi melahirkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran. Menurut Mohamed Khalid (2011) yang menyatakan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat berharap satu hari nanti, dasar mewajibkan pelajar mengikuti latihan industri seperti yang ada sekarang diiringi dengan dasar mewajibkan industri menyediakan tempat latihan untuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) seperti di negara maju. Syarikat berkaitan kerajaan (*GLC*) misalnya boleh menerajui usaha ini sebelum diperluas kepada industri lain. Seiring dengan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, dasar mahupun penganjuran program kebolehdapatan dan kebolehpasaran graduan adalah selari dengan pendekatan kerajaan untuk mendahulukan rakyat. Bagi 2010 saja, seramai 30,290 orang atau 43.3 peratus daripada graduan IPT menyertai sektor swasta, sekali gus menjadikan sektor terbabit sebagai penerima terbesar bakat IPT dalam negara. Perkembangan ini pastinya seiring dengan harapan Perdana Menteri melihat sektor swasta menjadi peneraju utama ekonomi negara selaras dengan Model Baru Ekonomi (MBE).

Beberapa persoalan telah timbul berkaitan dengan tugas yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar sewaktu menjalani latihan industri adalah berbeza mengikut saiz industri yang telah dipilih. Industri boleh dikategorikan kepada tiga saiz yang berbeza iaitu *Government-Linked Companies (GLC)*, *Multi-National Corporation (MNC)* dan *Small Medium Enterprise (SME)*. Syarikat berkaitan kerajaan adalah merupakan suatu agensi yang dinaungi oleh pihak kerajaan manakala Syarikat Multinasional merupakan syarikat luar negara yang menjalankan aktiviti pengeluaran produk untuk seluruh dunia. Sementara itu, industri kecil dan sederhana merupakan syarikat berskala kecil dan sederhana yang ditubuhkan dalam pembangunan sesuatu produk. Setiap pelajar yang menjalani latihan industri di industri-industri yang dinyatakan ini akan diberikan tugas tertentu yang akan dinilai oleh pihak industri serta pusat pengajian terhadap tugas yang telah diselesaikan melalui pemantauan yang berterusan. Terdapat pelbagai kaedah penilaian yang dijalankan bagi menilai prestasi pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri. Salah satu model penilaian yang boleh digunapakai adalah berdasarkan kepada model yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Model yang dimaksudkan adalah *Learn and Work Assignment (LWA)* yang merupakan suatu tugas yang dijalankan oleh pelajar yang menjalani latihan industri dengan cara kerja sebenar dalam



menyelesaikan tugas bermula dengan menentukan target, membuat rangka kerja, membuat keputusan mengenai penggunaan rancangan dan sumber, melaksanakan proses tindakan dan pemantauan, menilai tindakan dan mencapai output.

Tugas yang diberikan kepada pelatih didapati berbeza mengikut saiz industri. Oleh itu, sesetengah daripada pelajar yang menjalani latihan industri tidak memahami skop kerja yang perlu mereka lalui berdasarkan saiz industri yang telah dipilih. Tugas yang diberikan oleh pihak industri kadang kala tidak seperti yang dipelajari di pusat pengajian dimana pelajar yang menjalani latihan industri perlu mendalami penambahan pengetahuan baru mengikut kesesuaian tempat menjalani latihan industri bagi menyiapkan tugas yang diberikan. Hal ini sememangnya menjadi bebanan kepada pelajar yang menjalani latihan industri dan masa yang panjang diperlukan untuk mempelajari sesuatu yang baru dan kadang kala bukan daripada bidang pengajian yang diikuti. Oleh kerana kekurangan atau kelemahan pelajar dalam memiliki kemahiran, maka melalui hasil kajian Lim Siet Fah (2010) menunjukkan, majikan mencadangkan pelajar perlu diberi lebih banyak penekanan kemahiran teknikal secara praktikal agar mereka lebih mendapat sambutan di pasaran kerja pada masa kini. Sehubungan dengan itu, menerusi perspektif majikan menunjukkan bahawa keperluan pelatih menguasai kemahiran teknikal pada tahap yang tinggi bagi memasuki bidang pekerjaan, Awang *et. al* (2007).

Disebabkan pengalaman yang akan diperolehi oleh pelajar yang menjalani latihan industri adalah berbeza antara setiap saiz industri. Tugas yang diberikan oleh pihak industri juga perlu dikaji bagi memastikan pelajar-pelajar tersebut mampu mengaplikasikannya selepas tamat menjalani latihan industri. Kenyataan ini disokong oleh Rahim *et. al* (2009) yang menyatakan bahawa pelatih yang menjalani latihan industri seharusnya menjalankan tugas sesuai mengikut polisi industri yang telahpun ditetapkan dalam sesebuah organisasi. Ini menunjukkan bahawa polisi memainkan peranan yang penting terhadap setiap tugas yang akan diberikan kepada pelajar yang menjalani latihan industri bagi memastikan pelajar tersebut sentiasa dilindungi sepanjang tempoh masa menjalani latihan industri. Kebanyakan industri yang besar mempunyai polisi untuk para pelatih yang menjalankan latihan industri dan wujud dalam pelbagai bentuk seperti polisi keselamatan, polisi kerja dan sebagainya bagi memastikan sesi latihan industri dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sistem penilaian terhadap *Learn and Work Assignment (LWA)* melalui tugas yang diberikan adalah penting bagi memastikan pelatih sentiasa memahami dan



berusaha memperbaiki kekurangan diri. Sistem penilaian yang berkesan seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran ini adalah merupakan suatu bentuk kaedah penilaian yang diadaptasi dan hampir sama seperti digunakan oleh pihak industri dan pusat pengajian dalam membuat penilaian terhadap para pelajar yang menjalani latihan industri. Bentuk penilaian yang dibangunkan menerusi *Learn and Work Assignment (LWA)* telah dibahagikan mengikut empat kategori iaitu cemerlang, memuaskan, baik dan gagal. Kebolehan dan kecekapan pelajar akan dinilai dan diberikan markah melalui tugas yang dijalankan. Melalui kejayaan melaksanakan kaedah *Learn and Work Assignment (LWA)* ini pelajar tersebut akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) mengikut kelayakkan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Kesan lain yang dapat dilihat adalah melalui kajian Mohamed *et. al* (2008) yang menunjukkan bahawa antara faktor graduan tidak mendapat tempat dalam sektor pekerjaan adalah disebabkan graduan kurang mengambil tahu tentang kemahiran yang diinginkan oleh majikan. Mereka juga dikatakan memerlukan lebih latihan vokasional dan kemahiran yang amat berguna dalam pekerjaan yang sepatutnya dimasukkan dalam kurikulum. Selain itu, graduan juga dikatakan memiliki kemahiran yang rendah lantas menyebabkan negara terpaksa mengeksport tenaga kerja berkemahiran tinggi dari luar negara. Hal ini dapat dibuktikan apabila Rasul *et. al* (2009) melalui kajian yang menyatakan bahawa faktor lulusan yang tiada kemahiran seperti yang dikehendaki oleh majikan menyebabkan majikan mencari pekerja yang lebih kompetan dari luar negara. Lulusan banyak bergantung kepada kelayakkan akademik untuk mendapatkan pekerjaan dan mereka kurang kompetan dalam kemahiran teknikal yang diperlukan oleh pihak majikan. Oleh itu, diharap menerusi penerapan kaedah *Learn and Work Assignment (LWA)* dalam sesi latihan industri akan dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan selepas menamatkan pengajian nanti.



1.2 Pernyataan Masalah

Latihan industri merupakan salah satu subjek yang perlu diambil bagi memenuhi syarat kelayakkan untuk mendapatkan diploma atau sijil yang akan dianugerahkan oleh sesebuah institusi pengajian terutamanya dalam bidang kejuruteraan. Tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari di institusi pengajian. Oleh itu, pelajar-pelajar diwajibkan memilih tempat bagi menjalankan latihan industri seperti sama ada di *Government Linked Companies (GLC)*, *Multi-National Corporation (MNC)* ataupun *Small Medium Enterprise (SME)*. Industri yang dipilih perlulah bersesuaian dengan bidang pengajian yang dipelajari di institusi pengajian. Namun begitu, tidak semua pelajar berpeluang untuk menjalani latihan industri di industri yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang diikuti.

Pada masa kini adalah menjadi suatu kepentingan dan merupakan nilai tambah dalam kebolehpasaran seseorang graduan yang menamatkan pengajian dengan memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Penganugerahan sijil ini akan mengiktiraf keupayaan seseorang individu dalam sesuatu kemahiran. Pelajar-pelajar di Politeknik seluruh negara tidak disertakan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) setelah tamat tempoh pengajian. Oleh yang demikian, kebolehpasaran pelajar-pelajar politeknik didapati kurang disebabkan penubuhan institusi pendidikan yang melibatkan kejuruteraan telah banyak dibangunkan. Institusi yang dibangunkan itu menerapkan elemen-elemen kemahiran sepenuhnya dalam sesi pembelajaran. Daripada kemahiran yang dimiliki telah melayakkan penganugerahan pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM) berbanding graduan politeknik yang tidak memiliki sebarang sijil kemahiran setelah menamatkan pengajian. Oleh itu, suatu kajian perlu dijalankan bagi melayakkan pelajar-pelajar lepasan politeknik memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sekurang-kurangnya pada tahap satu. Pengkaji berpendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) ini boleh diperolehi melalui pengaplikasian *Learn and Work Assignment (LWA)* sewaktu pelajar menjalani latihan industri selama satu semester.



1.3 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif yang perlu untuk menjalankan kajian ini. Objektif-objektif ini merupakan pemandu arah bagi pengkaji melaksanakan kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji mempunyai tiga (3) objektif seperti yang disenaraikan dibawah:

1. Mengetahui pasti penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* yang diberikan oleh industri *Multi-National* dalam bidang mekanikal sewaktu menjalani latihan industri.
2. Mengetahui pasti penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* yang diberikan oleh industri *Small Medium Enterprise (SME)* dalam bidang mekanikal sewaktu menjalani latihan industri.
3. Mengetahui pasti perbezaan penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* diantara industri *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise* dalam bidang mekanikal.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji berusaha untuk menjawab persoalan-persoalan seperti berikut:

1. Adakah terdapat penerapan elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* yang diberikan oleh industri *Multi-National* dalam bidang mekanikal sewaktu menjalani latihan industri?
2. Adakah terdapat penerapan elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* yang diberikan oleh industri *Small Medium Enterprise (SME)* dalam bidang mekanikal sewaktu menjalani latihan industri?
3. Adakah perbezaan penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* diantara industri *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)* dalam bidang mekanikal?

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, pengkaji telah membina satu hipotesis iaitu pada persoalan kajian yang ketiga. Hipotesis ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* diantara industri *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)* dalam bidang mekanikal sewaktu pelajar menjalani latihan industri. Hipotesis kajian yang dibangunkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

Hipotesis Null (Ho):

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* diantara industri *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)* dalam bidang mekanikal.

1.6 Skop Kajian

Kajian merupakan suatu kajian bagi mengkaji kesesuaian pelaksanaan *Learn and Work Assignment (LWA)* terhadap pelajar yang menjalani latihan industri dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kajian ini akan dilihat menerusi perspektif pelajar yang telah menjalani latihan industri di dua saiz industri yang berlainan iaitu industri *Multi-National* dan industri *Small Medium Enterprise (SME)*. Oleh itu, pengkaji akan memberikan fokus terhadap aspek tugas yang diberikan oleh pihak industri kepada pelatih dan tahap kecekapan pelatih dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh pihak industri serta perbezaan tugas yang diberikan oleh pihak industri mengikut dua saiz industri yang berbeza. Pengkaji juga memberi penumpuan kajian terhadap penerapan elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* sewaktu pelajar menjalani latihan industri. Elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* yang dikaji adalah seperti tahap kecekapan teknikal (praktikal), tahap kecekapan teknikal (teori), melaksanakan tugas, kualiti dan fungsi terhadap hasil tugas dan keselamatan.

1.7 Batasan Kajian

Secara amnya, kajian ini merupakan suatu tinjauan terhadap kesesuaian pelaksanaan *Learn and Work Assignment (LWA)* terhadap pelajar-pelajar politeknik semasa menjalani latihan industri. Kajian yang akan dilaksanakan ini hanya melibatkan sebuah politeknik iaitu Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Populasi yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar daripada program-program pengajian dibawah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Pemilihan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dalam kajian adalah berdasarkan kepada program pengajian yang ditawarkan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan. Program pengajian yang ditawarkan adalah seperti Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Logi), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Plastik) dan Diploma Kejuruteraan Mekatronik. Sampel yang akan dipilih hanya merangkumi kelima-lima jurusan pengajian di politeknik dikalangan pelajar yang telah menjalani sesi latihan industri. Setiap pelajar akan dikelaskan kepada dua industri iaitu tempat latihan industri dijalankan sama ada *Multi-National* atau *Small Medium Enterprise (SME)*.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* yang dijalankan terhadap dua saiz industri iaitu *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)*. Berdasarkan kajian ini juga, pengkaji akan dapat mengetahui penerapan elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* semasa pelajar menjalani latihan industri. Hasil kajian akan menghuraikan sejauhmana pelaksanaan elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* terhadap pelajar di industri. Justeru itu, kajian ini adalah penting dalam mengenal pasti kesesuaian pelaksanaan *Learn and Work Assignment (LWA)* terhadap pelajar yang menjalani latihan industri di industri *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)* yang bertujuan melayakkan pelajar memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia pada tahap satu. Kepentingan kajian ini adalah untuk:

i. Pelajar

Memberi garis panduan kepada pelajar terhadap tugas yang diberikan oleh pihak industri terutamanya industri *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)*. Pelajar juga dapat mengetahui bentuk tugas yang diterapkan dalam dua industri yang berbeza dan boleh membuat persediaan dalam menghadapi alam pekerjaan. Selain itu, kajian ini akan memberi maklumat dalam mempersiapkan diri menghadapi cabaran kebolehpasaran kerja yang mementingkan sijil kemahiran dalam sektor kejuruteraan yang diceburi.

ii. Pihak Industri

Memberi cadangan kepada industri yang terlibat iaitu industri *Multi-National* dan *Small Medium Enterprise (SME)* supaya menerapkan elemen-elemen *Learn and Work Assignmet (LWA)* kepada pelajar sewaktu menjalani latihan industri. Ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak industri tentang elemen-elemen yang diperlukan bagi melayakkan pelajar memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) setelah tamat pengajian.

iii. Pensyarah

Kajian ini juga akan memberi makluman kepada pensyarah khususnya di institusi pengajian tentang tugas yang akan dilaksanakan oleh pelajar yang menjalani latihan industri. Selain itu, kajian ini turut memberi maklumat berkaitan dengan elemen-elemen yang diperlukan dalam melaksanakan *Learn and Work Assignment (LWA)* semasa pelajar menjalani latihan industri. Oleh itu, pensyarah boleh menerapkan elemen-elemen yang diperlukan dalam mengimplementasikan *Learn and Work Assignment (LWA)* dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian.

Justifikasi kajian yang dijalankan ini adalah kerana terdapat beberapa isu yang dibangkitkan mengenai graduan politeknik yang mempunyai banyak saingan dalam mendapatkan pekerjaan dalam sesebuah organisasi atau industri. Ini adalah disebabkan graduan lepasan politeknik terpaksa bersaing dalam dengan beberapa

institusi pendidikan aliran kejuruteraan lain seperti Kolej Komuniti, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Kolej Poli-Tech Mara, German-Malaysian Institute dan sebagainya. Institusi-institusi yang disebutkan itu menganugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada para graduannya setelah tamat tempoh pengajian mengikut tahap yang sesuai dimiliki. Elemen yang terdapat dalam *Learn and Work Assignment (LWA)* merupakan suatu keperluan untuk majikan mengambil tenaga kerja. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* dalam sesi latihan industri untuk pelajar kejuruteraan mekanikal di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bagi melayakkan graduannya memiliki sijil kemahiran Malaysia (SKM) setelah menamatkan pengajian.


1.9 Kerangka Konsep

Bagi memberi penjelasan secara grafik atau dalam bentuk penceritaan tentang kajian yang akan dijalankan, kerangka konsep kajian dibentuk bagi memudahkan pemahaman terhadap konsep kajian yang akan dilaksanakan. Kerangka konsep merupakan kunci kepada hubungkait diantara pembolehubah, faktor-faktor yang mempengaruhi kajian dan bentuk binaan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Rajah 1.1 memberi gambaran secara ringkas mengenai perjalanan kajian yang akan dilakukan. Kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk mendapatkan pandangan serta maklumat terhadap persediaan pelaksanaan *Learn and Work Assignment (LWA)* melalui elemen-elemen yang diterapkan semasa pelajar menjalani latihan industri. Terdapat dua pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar menurut pengkaji dalam kajian ini adalah pelaksanaan *Learn and Work Assignment (LWA)* adalah bersandarkan kepada bentuk tugas yang berpandukan elemen-elemen yang ditetapkan serta diberikan oleh pihak industri sepanjang tempoh pelajar menjalani latihan industri. Manakala pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini adalah bentuk tugas yang diberikan oleh pihak industri yang berbeza sama ada di industri *Multi-National* ataupun *Small Medium Enterprise (SME)*.

Berdasarkan tugas yang diberikan oleh pihak industri, pengkaji akan melihat sejauh mana penerapan elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* bagi



melayakkan pelajar yang menjalani latihan industri dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia. Melalui tempoh enam bulan pelajar dikehendaki menyertai latihan industri, pengkaji berpendapat bahawa adalah suatu tempoh masa yang panjang dan bersesuaian dalam melaksanakan kaedah *Learn and Work Assignment (LWA)* dalam mendapatkan pensijilan kemahiran tersebut.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

1.10 Definisi Istilah

Definisi istilah merupakan penumpuan perhatian terhadap beberapa definisi yang boleh meningkatkan pemahaman terhadap singkatan perkataan atau perkataan-perkataan yang digunakan bagi tujuan menerangkan tentang sesuatu perkara atau situasi yang bersifat realistik atau sebaliknya. Berikut merupakan perkataan yang didapati oleh pengkaji sering digunakan dalam kajian ini:

- i. *Learn and Work Assignment (LWA)*
LWA merupakan singkatan daripada perkataan *Learn and Work Assignment* atau juga disebut sebagai Tugas Pembelajaran dan Tugas Kerja. *LWA* merupakan kombinasi pembelajaran secara berdikari (Self Reliance Learning) dan tugas yang dijalankan di tempat kerja. Pendekatan yang digunakan adalah berpusatkan pelatih manakala pengajar di pihak industri dan institut latihan hanya berperanan sebagai fasilitator.
- ii. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
SLDN merupakan singkatan bagi perkataan Sistem Latihan Dual Nasional yang merupakan latihan berorientasikan industri yang menggabungkan latihan di tempat kerja dengan latihan di institusi. Dalam SLDN, latihan praktikal dikendalikan di tempat kerja oleh jurulatih syarikat yang terpilih manakala kelas teori dan latihan kemahiran asas dikendalikan di pusat latihan oleh pengajar.
- iii. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
JPK adalah merujuk kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran yang merupakan sebuah jabatan yang berada dibawah Kementerian Sumber Manusia. JPK bertujuan bagi merumus, menggalak dan menyelaraskan strategi dan program latihan kemahiran sejajar dengan keperluan serta perkembangan teknologi dan ekonomi negara.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

iv. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini SKM merujuk kepada Sijil Kemahiran Malaysia. Sijil Kemahiran Malaysia dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran adalah bertujuan untuk memberi pentauliahan kepada calon yang terlibat dan dilaksanakan berteraskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Setiap calon akan dinilai dan disahkan memenuhi keperluan standard yang ditetapkan sebelum dianugerahkan dengan Pensijilan Kemahiran Malaysia.

1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan tentang latar belakang berkaitan masalah dan tujuan kajian ini dijalankan. Dalam bab ini juga, pengkaji telah menetapkan persoalan-persoalan kajian yang perlu dijawab. Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan telah sedikit sebanyak membincangkan tentang kajian penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* yang akan dijalankan. Setiap langkah yang diambil pada peringkat seterusnya adalah bertujuan untuk mencapai objektif yang terkandung dalam kajian ini. Skop kajian juga telah dinyatakan dengan jelas. Penerapan elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* telah dikaji terhadap pelajar politeknik yang menjalani latihan industri bagi melayakkan penganugerahan persijilan kemahiran.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Institusi pendidikan, majikan dan pensyarah memainkan peranan yang penting dalam transformasi pengetahuan dari pusat pengajian ke dunia pekerjaan. Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) tanpa melibatkan latihan adalah tidak mencukupi bagi memperlengkapkan pelajar dengan kebolehan melaksanakan tugas dengan berkesan di industri. Terdapat aspek dalam setiap profesion yang tidak hanya melibatkan pembelajaran di dalam kelas tetapi juga mesti dipelajari dengan menjalani latihan seperti latihan industri (Barbeau, Stull, 1990). Latihan yang diberi ini secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan yang baik diantara industri dengan institusi pendidikan. Ini dapat mengelak masalah berlakunya ketidakselarasan diantara keperluan industri dengan institusi pendidikan (Melanie, Peter, 2009).

Kepentingan dan keperluan kemahiran teknikal adalah tidak boleh disangkal lagi dalam perkembangan teknologi semasa yang kian canggih dan serba maju pada masa ini. Kemahiran teknikal ini sememangnya telah mengambil tempat terpenting dalam melonjakkan sesebuah negara sejak sekian lama. Menurut ahli panel yang menyediakan report untuk jawatankuasa Sains dan Teknologi mendefinisikan 'kemahiran' sebagai kebolehan untuk mendapatkan pengetahuan dalam peringkat menyempurnakan tugas (Expert Panel On Skills 2000). Gallagher (1999), pula merumuskan kemahiran sebagai set kemahiran yang merangkumi asas, teknikal,

pengurusan dan kemimpinan. Ternyata Kemahiran teknikal amat diperlukan dalam pembangunan sesebuah negara. Pelaburan terhadap kemahiran pembangunan latihan kemahiran pada masa kini terus meningkat dan pesat berbanding beberapa dekat yang lalu seiring dengan anjakan paradigma global terhadap keperluan ini bagi mengukuhkan pelaksanaan ekonomi berasaskan pengetahuan, perkembangan teknologi, peningkatan produktiviti dan daya saing dalam negara.

Jika dibandingkan sebelum menjelangnya era millennium, Malaysia telah mengalami kekurangan tenaga buruh mahir dan separuh mahir terutamanya dalam bidang teknikal. Menjelang perubahan dasar kerajaan bagi melahirkan lebih ramai graduan yang berkemahiran dan mempunyai pengetahuan teknikal yang tinggi, wujudlah percambahan institusi pengajian yang menawarkan kursus-kursus pengajian berkaitan dengan ilmu teknikal dan kejuruteraan. Bagi melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran, pihak kerajaan telah mempertingkatkan kemudahan pendidikan teknikal dan vokasional dalam usaha memperkayakan bidang ini dan membolehkan lebih ramai pelajar menceburi bidang ini di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10).

Berdasarkan Buku Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi (2010) Latihan industri merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Latihan Industri adalah sangat penting bagi semua pelajar di institusi pengajian tinggi sama ada awam mahupun swasta. Ini adalah kerana pengalaman yang diperolehi melalui latihan industri boleh dijadikan persediaan untuk pelajar menempuh alam pekerjaan yang sebenar. Selain itu juga, latihan industri juga adalah merupakan platform untuk pelajar institusi pengajian tinggi mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang dipelajari sepanjang di pusat pengajian. Salah satu kepentingan latihan industri adalah untuk membolehkan pelajar mempelajari cara-cara untuk menyesuaikan diri dengan suasana pekerjaan sebenar. Pendedahan kepada pembaikan, penyelenggaraan dan pelaksanaan sesuatu kerja semasa menjalani latihan industri adalah sangat penting kepada semua pelajar institusi pengajian tinggi kerana dalam tempoh tersebut mereka diberi peluang untuk melakukan pelbagai tugas yang bersesuaian dengan kemahiran yang mereka pelajari di institusi pengajian masing-masing.



Dengan ini mereka dapat merasai pengalaman sebenar pekerjaan dan tidak hanya sekadar menjadi pemerhati sepanjang menjalani latihan industri.


Melalui bab ini, pengkaji akan mengupas berkenaan kajian yang dijalankan berkaitan dengan tugas yang diberikan oleh pihak industri kepada pelajar yang menjalani latihan industri daripada perspektif elemen-elemen *Learn and Work Assignment (LWA)* mengikut saiz industri bagi melayakkan mereka memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam membentuk nilai tambah terhadap kebolehpasaran seseorang graduan dalam mendapatkan pekerjaan seperti yang diinginkan. Antara aspek yang dibincangkan adalah berkaitan dengan kaedah pelaksanaan *Learn and Work Assignment (LWA)*, elemen-elemen kerja dan penilaian serta bentuk tugas yang diberikan sepanjang pelatih menjalani latihan industri.

2.1 *Learn and Work Assignment (LWA)*

LWA merupakan singkatan daripada *Learn and Work Assignment (LWA)* ataupun diterjemahkan sebagai Tugas Pembelajaran dan Tugas Kerja dalam bahasa melayunya. *Learn and Work Assignment (LWA)* merupakan kombinasi pembelajaran secara berdikari (*Self Reliance Learning*) dan tugas di tempat kerja. Pendekatan latihan yang berpusatkan pelatih digunakan manakala pengajar di industri dan institut latihan hanya berperanan sebagai moderator, coach, fasilitator dan penasihat. Pelbagai peringkat pembelajaran secara berdikari digunakan bergantung kepada tahap kesukaran tugas pembelajaran dan tugas kerja.

Learn and Work Assignment (LWA) dibangunkan bergantung kepada tahap kesukaran tugas pembelajaran dan tugas kerja. *LWA* dibangunkan oleh jurulatih dan pengajar dari kedua-dua pihak industri dan institut latihan (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2011). Tahap kesukaran tugas pembelajaran dan tugas kerja ini akan mengketagorikan tahap penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada pihak yang terbabit. Terdapat lima langkah bagi mencapai model kerja *Learn and Work Assignment (LWA)* yang perlu disepadukan di tempat kerja sebenar berkaitan dengan tugas iaitu penentuan matlamat, perancangan laluan untuk membuat tindakan, membuat keputusan berdasarkan kepada rancangan dan penggunaan sumber, melaksanakan proses tindakan dan pemantauan serta

menilai tindakan dan keputusan yang diperolehi. Paparan untuk langkah kerja bagi model kerja *Learn and Work Assignment (LWA)* adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.1.



Rajah 2.1: Langkah Kerja Bagi Model *Learn and Work Assignment (LWA)*

Semasa menjalani latihan, pelatih perlu mengikuti garis panduan *Learn and Work Assignment (LWA)* yang telah ditetapkan melalui langkah kerja ini semasa menyelesaikan tugas. Pelatih juga perlu menetapkan objektif yang khusus, merangka pelan tindakan kerja, membuat keputusan mengenai kaedah terbaik yang akan digunakan, memantau tahap kemajuan serta menilai tindakan dan keputusan. Oleh itu, *Learn and Work Assignment (LWA)* adalah merupakan amalan pembelajaran yang bergantung kepada diri sendiri dan pada masa yang sama dapat menyelesaikan tugas yang telah diberikan. Jadual 1.1 menunjukkan peringkat yang perlu dilalui oleh perantis bagi melengkapkan peringkat kitaran dalam model kerja *Learn and Work Assignment (LWA)*.

Jadual 1.1: Peringkat Kitaran Model Kerja *Learn and Work Assignment (LWA)*

Peringkat	Aktiviti Perantis	Objektif	Jenis Soalan Bimbingan/Kiasan
Penentuan Matlamat	Membangun dan menyatakan objektif bagi tugas. Menyusun maklumat untuk menyelesaikan tugas.	Peserta mampu untuk menetapkan matlamat dan objektif yang ditetapkan serta menggalakkan penglibatan dalam tugas yang diberikan. Memupuk sikap ingin tahu, bila dan dimana untuk mencari maklumat	Apa yang diperlukan untuk menyiapkan tugas? Apa tujuan tugas itu dibangunkan?
Perancangan Laluan dan Membuat Tindakan	Proses perancangan untuk plan kerja. Tugas diberikan kepada ahli kumpulan. Setiap ahli kumpulan bertanggung jawab sepenuhnya dalam semua aktiviti yang dijalankan	Memupuk keupayaan untuk merancang prosedur autonomi ke dalam kandungan kerja, metodologi dan pembahagian kerja.	Bagaimana untuk mengetahui tentang perkara ini? Apakah operasi atau langkah-langkah yang perlu? Cara yang digunakan untuk menjalankan tugas tersebut? Mengapakah perlu menetapkan cara untuk melakukan tugas dan tidak boleh menggunakan cara lain? Sekiranya tugas dapat dijalankan? Berapa lamakah masa yang diambil untuk menyelesaikan tugas?
Membuat Keputusan Berdasarkan Kepada Rancangan Dan Penggunaan Sumber	Setiap ahli kumpulan membangunkan strategi mereka sendiri untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah (sentiasa merujuk kepada pengajar terlebih dahulu) dalam membentuk strategi menjalankan tugas	Memupuk kecekapan sosial yang berkaitan dengan kerja berpasukan dan rundingan.	Prosedur tertentu yang digunakan/ penyelesaian tugas. Justifikasi untuk memilih kaedah, bahan dan lain-lain.

Peringkat	Aktiviti Perantis	Objektif	Jenis Soalan Bimbingan/Kiasan
Melaksana dan mengawasi	Setiap ahli melaksanakan tugas mengikut plan atau jadual kerja yang diperuntukan berdasarkan kepada sebahagian perancangan yang telah dirangka. Kawalan diri oleh perantis. Berkemungkinan untuk mengetahui kesilapan dan membetulkan kesilapan itu.	Membenarkan autonomi sebenar, kreatif dan tindakan yang bertanggungjawab. Memupuk metodologi teknikal, pembelajaran, kecekapan manusia dan sosial. Belajar untuk menilai kualiti kerja yang dilakukan. Memupuk keupayaan untuk menilai kemampuan melalui penilaian sendiri.	Apakah terdapat keperluan untuk menukar plan perancangan? Apakah langkah-langkah yang kritikal? Apakah langkah-langkah keselamatan dan pencegahan yang perlu diambil? Tindakan yang perlu diambil untuk penyelesaian?
Penilaian Tindakan Dan Keputusan Yang Diperolehi	Pemantauan digabungkan (jurulatih, pengajar dan perantis) berbincang dan menilai keputusan projek. Keputusan teori akan dibuat daripada tugas yang dijalankan	Penilaian pengalaman pembelajaran. Keperluan untuk saling menghubungkan antara teori dan praktikal. Mengetahui perkaitan diantara teori pembelajaran yang lain.	Adakah kerja yang dijalankan memenuhi kualiti yang diharapkan? (Sekiranya ya, nyatakan tahap kualiti tersebut). Bagaimana kualiti kerja boleh ditingkatkan? Apakah pengalaman kerja yang paling berharga diperolehi?

(Sumber: JPK, 2009)

Pada semua peringkat dalam kitaran model kerja yang lengkap, jurulatih atau pengajar berperanan sebagai pembimbing atau moderator. Antara peranan jurulatih atau pengajar adalah memberi bimbingan dalam bentuk ceramah ringkas, demonstrasi ringkas, menyediakan khidmat bantuan asas atau penambahbaikan, penasihat, pembimbing, kounselor, menyediakan rujukan dan memberi contoh.

2.1.1 Peranan Jurulatih atau Pengajar

Bagi melengkapkan kitaran model kerja dalam *Learn and Work Assignment (LWA)*, jurulatih atau pengajar berperanan sebagai penasihat atau fasilitator. Keseluruhan proses *model Learn and Work Assignment (LWA)* dijalankan berdasarkan kepada bentuk soalan yang diberikan, bayangan tugas yang diberikan dan dalam bentuk


arahan. Setiap tugas yang dijalankan oleh perantis adalah diberi kebebasan sewaktu melakukan kerja dalam merangka perancangan bagi perlaksanaannya (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2011). Seterusnya perbincangan dan penilaian yang dilakukan oleh pengajar atau jurulatih akan memudahkan proses pembelajaran perantis dan dalam masa yang sama perantis mampu memperbaiki masalah yang berlaku sepanjang tempoh menyelesaikan tugas melalui pemantauan daripada semasa ke semasa oleh pengajar atau jurulatih. Jurulatih atau pengajar akan sentiasa memantau sama ada secara terus atau tidak bagi memastikan tugas yang diberikan dapat dijalankan dengan sempurna. Sebahagian peranan jurulatih sebagai ‘penyedia’ juga terdapat didalam peranan jurulatih sebagai ‘pengurus’ di dalam organisasi yang bersaiz dan sederhana (Banneth,1990). Oleh itu, peranan jurulatih adalah sangat penting dalam memastikan tugas berdasarkan model *Learn and Work Assignment (LWA)* dapat disiapkan seperti yang telah dirancang.

2.1.2 **Pemeringkatan Tugas *Learn and Work Assignment (LWA)***

Berdasarkan kepada modul yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (2011), keseluruhan tugas berpandukan *Learn and Work Assignment (LWA)* adalah bergantung pada kerumitan dan kesukaran yang boleh dikategorikan kepada tiga aras kesukaran iaitu *Closed LWAs (CLWAs)*, *Open LWAs (OLWAs)* and *Open, Innovative LWAs (OILWAs)*.

Close LWAs merupakan struktur yang terdiri daripada soalan panduan dan arahan yang lebih khusus untuk membimbing perantis. Ini bermaksud tugas yang akan dilaksanakan oleh perantis telah disediakan daripada segi perancangan kerja. Manakala untuk *Open LWAs* pula adalah adalah lebih kepada persediaan perantis dalam mengenalpasti cara-cara dan kaedah yang akan digunakan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Perantis perlu menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pihak industri mengikut idea dan kreativiti seperti yang telah dipelajari di institusi pengajian. Bagi *Open, innovative LWAs* adalah suatu kaedah yang bersituasi perantis diminta untuk melakukan tugas berkaitan dalam masa yang sama mencari alternatif yang bersesuaian dalam melaksanakan tugas melalui penyelesaian inovasi iaitu secara kerja berpasukan untuk melaksanakan tugas,

membuat keputusan dan melakukan kriteria penilaian daripada pemilihan kaedah pelaksanaan yang dipilih sendiri oleh perantis yang terlibat.



Rajah 2.2: Tahap kesukaran *Learn and Work Assignment (LWA)* (Sumber JPK: 2009)

2.1.3 Kerjasama Diantara Jurulatih Di Tempat Latihan Dan Pengajar Di Institusi Pendidikan

Untuk menjayakan pelaksanaan *Learn and Work Assignment (LWA)* adalah menjadi suatu keperluan dalam mewujudkan kerjasama yang erat diantara jurulatih di industri dan pengajar daripada institusi pendidikan. Kerjasama ini adalah perlu dalam mewujudkan keseimbangan terhadap penerapan pengetahuan yang dipelajari di institusi dengan tugas yang diberikan oleh pihak industri. Kerjasama yang diwujudkan diantara kedua-dua pihak dalam banyak perkara dalam membangunkan *Learn and Work Assignment (LWA)* merupakan suatu elemen yang penting dan perlu dititik beratkan (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2011).

Jurulatih industri akan menyediakan input mengenai tugas di tempat kerja yang akan dilakukan dan dalam masa yang sama akan bersama-sama dengan pengajar daripada institusi pengajian untuk membuat rumusan berdasarkan panduan yang perlu diikuti dalam menjayakan *Learn and Work Assignment (LWA)*. Jurulatih industri akan dapat memberikan penumpuan yang lebih pada amalan praktikal dan keperluan di tempat kerja yang diperlukan manakala pengajar daripada institusi pengajian boleh memberi fokus terhadap pengetahuan-pengetahuan teori yang diperlukan dalam amalan praktikal. Dalam masa yang sama kedua-dua latihan dapat dijalankan iaitu di tempat kerja dan juga di institusi pengajian yang terlibat. Dalam sesetengah situasi, tugas *Learn and Work Assignment (LWA)* mampu dilaksanakan di industri dan sebahagian kecil tugas tersebut disediakan di institusi pengajian. Menurut Nordin (2010), jalinan kerjasama bagi menyediakan latihan yang berstruktur untuk memenuhi tuntutan strategik sumber tenaga negara antara IPT dengan pihak industri adalah amat penting dan relevan dengan keperluan semasa. Melalui kerjasama ini juga sasaran kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran akan direalisasikan.

2.2 *Work-Based Learning (WBL)*

Work-Based Learning atau pengajaran berasaskan kerja adalah aktiviti pembelajaran yang berstruktur dan membantu pelajar dalam merasai pengalaman sebenar di tempat kerja, menggunakan pengetahuan akademik untuk meningkatkan prestasi diri di tempat kerja dan memperolehi peluang dan pelbagai kemahiran bekerja yang berguna. Selain daripada itu, pelajar boleh merasai sendiri kebolehan dan kecenderungan mereka apabila menjalani latihan ini. Oleh itu menerusi *WBL*, pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di industri adalah seiring dengan apa yang diperlukan di alam kerja sebenar (Laporan Cabell County Board of Education, 2000).

Gray (2001) pula mendefinisikan *WBL* sebagai satu mekanisme yang membantu dalam proses pembelajaran tetapi ia bukan merupakan satu mata pelajaran. Ini bermakna menerusi *WBL*, pelajar mendapatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui pengalaman semasa mereka melakukan kerja atau tugas. Sepanjang latihan ini berjalan, prestasi mereka daripada segi pengetahuan,



RUJUKAN

- ACCI. (2002). *Employability skills: An employer perspective. Getting what employers want out of the too hard basket*. Sydney: Australian Chamber of Commerce and Industry (ACCI).
- Abdul Aziz, A. R., *Komunikasi dalam Pekerjaan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Abdul Ghafar, M. N. (1999), *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 1999.
- Abdullah, S., (2010), Mendepani Cabaran Keperluan Tenaga Mahir. Dicapai pada Disember 14, 2011, dari “<http://www.utusan.com.my/utusan/iPendidikan>”
- Anderson, J. (2003). *Developing Strategik Leadership Communication*. Institute Leadership Communication, Auke Bay Campus, Juneau, Alaska. Dicapai pada Disember 5, 2003 dari: <http://www.uas.alaska.edu/Ici/>
- Ann, F. (2007), *Kerja Berpasukan*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- ANTA. (2000). *Australian Vocational education and training statistics 1999: Student outcomes survey – National report*. Kensington Park: National center of vocational education and training (NCVER) ltd.
- Awang, A. H., Hamzah, A., Ismail, R., & Uli., J. (2008). *Kemahiran Bolehkerja : Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih*. Universiti Putra Malaysia.
- Awang, A. G. (1996). *Kemahiran Belajar di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, W. A. (1995). *The human resource factor in Malaysia’s economic growth and transformation: A case study of the Malaysian manufacturing firms. Thesis PhD*. The university of Leeds.
- Banneth, G. (1990). *Improving Study Skills*. London: Hadder and Stoughton.



PITTAUTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Barbeau J. E., Stull W.A., (1990). *Learning from Working: A Guide for Cooperative Education/internship Students*: South-Western Publishing.
- Bengtsson, T. (1993). "Are interpretation of population trends and cycle in England, France and Sweden" Vol 93-115. Number 8.
- Certo, S. (1999). *Modern Management. 6th Edition*. USA: Allyn & Bocon, Inc.
- Chua, Y.P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku*. McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Clarke, A. (1997). *Survey employability*. Industrial and commercial training, 29(6), 177– 183.
- Darche S., Arnold M.P., Newhouse C. (2004). "The Benefit of Work-Based Learning And Occupational Coursework In The Carlifornia Community Colleges". Hatchuel Tarbenik & Associates. Carlifornia.
- Dyrenfurth. (2000). *Trends in industrial skill competency demand as evidenced by business and industry. International conference of scholars on technology education*. Braunschweig, Germany.
- Eddy, E. R., Tannenbaum, S. I., Lorenzet, S. J., and Smith, J., Kimberly, A. (2005), Journal of Managerial Issues "The Influence of a Continuous Learning Environment on Peer Mentoring Behaviors," Vol. 17, Iss. 3, ms. 383-395.
- Expert Panel on Skills. (2000). *Stepping Up-Skills And Opportunities In The Knowledge Economy. Report Of The Expert Panel On Skills To The Advisory Council On Science And Technology*. Ottawa. Industry Canada. Dicapai pada November 15, 2012, dari <http://acst-ccst.gc.ca/skills>.
- Facteau, J. D., Dobbins, G.H., Russell, J. E. A., Ladd, R. T., & Kudisch, J. D. (1995). *The influence of general perceptions of the training environment on pretraining motivation and perceived training transfer*. Journal of Management, 21, ms.1-25.
- Gallagher, P. (1999). *Critical Skills: Hitting a Moving Target. Background paper for the Expert Panel of Skills*. Ottawa: Industry Canada. Dicapai pada 13 November 2012, dari <http://acst-ccst.gc.ca/skills> .
- Ghafar, M. N. (2003). "Rekabentuk Tinjauan SoalSelidik Pendidikan". Skudai Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Gray D. (2001). "A Briefing On Work-Based Learning". ITSN Generic Center Learning and Teaching Support Network. Liverpool University.



- Hair, A. & Rahmah. (2002). *Determinants of Workers' Competitiveness in Malaysian Information and Communication Technology Sector*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamzah, R. K. (1997). *Remaja dan Pengurusan Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanafiah, M. H. & Makhbul Z. M. (2002). *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Harcot, J., Krizan, A.C. & Merrier, P. (1996). *Business Communication*. Ed. Ke 3. Ohio:South-Western Educational Publishing.
- Hock, L. K.(1989). *Report of the review traces study of workers*. Kuala Lumpur. Economic Planning Unit, Prime Minister Department.
- Hassan, A. Z. (2010). *Dasar Latihan Industri*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. W. P. Putrajaya.
- Hisyam, S., A. (2002). *Membentuk Keperluan Tenaga Mahir di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia:Tesis Sarjana.
- Idris, K.A (2002). *Kepentingan Kemahiran Teknikal Untuk Kemajuan Ummah*. Dicapai pada November, 2011 dari:
http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=712&cmd=resetall
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (2010). *Panduan dan Perlaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)*. W.P Putrajaya: Kementerian Sumber Manusia.
- Jabatan Politeknik (2011). *Buku Panduan Penilaian Latihan Industri*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi
- Jamidin, M. N. (1996). *Kemahiran Berfikir dan Belajar*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Knipe, D.M. 1997. "*The replication of herpes simplex virus*". In: *Genital and Neonatal Herpes*. L.R. Stanberry, ed. John Wiley & Sons, Ltd., Chichester, England, ms. 1-29
- Laporan *Cabell County Board of Education* (2000). IHAQ-Work Based Learning.



PTA UTHM
 PEPUSTAKAAN TUNKU TUN MINAH

- Leon, D. J. & Borchers, R.E. (1998). *High school graduate employment trends and the skills graduates need to enter Texas manufacturing industries*. Journal of vocational and technical education, 15(1).
Dicapai pada September 24, 2002 dari:
<http://scholar.lib.vt.edu/ejournals/JVTE/v15n1/JTVTE6.html>.
- Lim S. F.(2010) *Kemahiran-Kemahiran Yang Penting Terhadap Kerjaya Juruteknik Bioperubatan Daripada Perspektif Majikan dan Pekerja*. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Loretto P. (2009). Internship Success. Dicapai pada Jun 17, 2009, dari:
<http://internships.about.com/od/internshipsuccess/u/success.htm#s3>
- McConnell, A. R. (2001). *Implicit theories: Consequences for social judgments of individuals*. Journal of Experimental Social Psychology, 37, ms.215-227.
- Mohamed, A., Isa, F.L. M.,& Shafii, H. *Kemahiran Dikalangan Graduan Sebagai Kriteria Penting Pasaran Tenaga Kerja: Kajian Kes Graduan Fakulti Kejuruteraan, UKM*. Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007. Universiti Kebangsaan Malaysia; 2007. ms 1-9.
- Mohd Nor, M. J.,Nopiah, Z. M., Ariffin, A. K. (2004). *Kaedah Penyelidikan Kejuruteraan*:Thomson Learningasia.com
- Mohamad, T., A., T.(2003), *Mengurus Masa Belajar*, Ipoh : MAP Training and Consultancy Sdn.Bhd.
- Muhaimin, A. M., Jamaluddin, H.,& Baharuddin, A. *Kelemahan Penguasaan Kemahiran di Kalangan Pelajar: Pedagogi dan Teknologi Sebagai Pendekatan Penyelesaian*. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah*: Universiti Teknologi Malaysia. 2008
- Mulcahy C. L (2000). “ *Skill and Tasks for Jobs*”. The Secretary’s Commission On Achieving Necessary Skills U.S Department od Labor. Amarian Institutes for Reasearch.
- Nik Zali, N. R. (1993). *Kemahiran Komunikasi dalam Organisasi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Nordin, K. M. (2010). *Latihan Industri Pastikan Graduan Miliki Kebolehpasaran*. Dicapai pada Jun 1, 2010 dari:
<http://khalednordin.com/?p=586>



- NYATEP. (1996). Analysis of New York state employer results: The workplace of the future. Dicapai pada September 30, 2002 dari:
<http://www.nyatep.org/pubsresources/nyskills.html>.
- NZQA (1996). *New Zealand Qualifications Authority: Proceeding From NZQA Conference*, New Zealand.
- Osman, M. S., Mahamud, A. R., Raja Ibrahim, R. A., Abdul Rahman, N. M., Mohamad, N. (2010). *Kompilasi Isu-Isu Dasar Kementerian Pengajian Tinggi Di Persidangan Parlimen 2010*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Phoon, W., H. (1997). *Kemahiran Teknikal dalam Kejuruteraan*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Pillai, S. S., Yusuf, M. *The Student Industrial Training*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Portal Berita Harian. "[http:// http://www.bharian.com.my/web_baru / maklumat%20umum/buletin](http://www.bharian.com.my/web_baru/maklumat%20umum/buletin)". Dicapai pada 16 Januari 2007.
- Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (2010). *Panduan Menjalani Latihan Industri*. Unit Perhubungan dan Latihan Industri.
- Poole, V.A., & Zahn, D.K. (1993). Define and teach employability skills to guarantee students success. *Clearing House*, 67 (1), ms.55-60.
- Rahim M. N. (2001). *Ciri-ciri Peiajar Cemerlang*. Kuala Lumpur : Sabha DTP Services Sdn. Bhd.
- Rainsbuny M, Knippen J.T and Green T.B (2000). "Problem Solving". *Journal of Workplace Learning*. Volume 9. Number 3. ms.98-99
- Rahim. N. A., Sidin H. Z. (2009). *Kepentingan dan keperluan dalam bidang-bidang kejuruteraan berasaskan latihan industri*. Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.
- Rahim, M. H. & Osman, M. N. (2001) Internet advertising: problems and prospects in Malaysia. *Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication* , 17 . pp. 159-173. ISSN 0128-1496.
- Ramlee (2001). Workplace literacy: Employer' perspectives. *The 8th international literacy and education research network (LERN), Conference on learning, Spetses, Greece*. 4-8 Julai.



PTTHAM
 PERPUSTAKAAN FUNKSIONAL AMINAH

- Rasul M.S., Ismail M.Y., Ismail, Rajuddin, R., & Rauf, R.A. (2009). Jurnal Pendidikan Malaysia. Aspek Kemahiran 'Employability' yang dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini. 2009. 34(2):67-79.
- Resnick, L. (1987). Education and learning to think. Washington, DC: National Academy Press. (ED 289 832).
- Robbin dan Coulter (1999), *Management*. Prentice Hall International, Inc, New Jersey
- Shek, K. F., Keberkesanan Kerja Berpasukan Dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia Dalam Jabatan Bahasa dan Sains Sosial Di Sekolah Menengah Daerah Pontian. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia; 2007.
- Sazali D. (2007). "*Pencapaian Pelajar Politeknik dalam Latihan Industri*". Suatu Kajian keberkesanan Latihan Industri Pelajar Politeknik Merlimau.
- Sazali, A. G. (2006). *Kemahiran dan Kaedah Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selmen, I. (1987). *Improving Study Skills*. London: Hadder and Stoughton.
- Seney K., Meryem Y., Fatma O. (2007). "Surgical Patient Education: Turkish Nursing Student Experiences". Nurse Education Today. Vol 27, ms. 19-25.
- Smith L.N. (2000). "*Journal of Advanced Nursing*". The Qualities of an Effective Mentor from the Student Nurse's Perspective. Vol 32. Number 6.
- Spencer, L.M., Jr., & Spencer, S. (1993). Competence at work: Models for superior performance. New York: John Wiley and Sons.
- Sukeri, M. (2010). Metodologi Kajian Impak: *Kajian Kes Banjir Di Kedah*. Universiti Utara Malaysia. Perpustakaan Sultanah Bahiyah.
- Turner, D. (2002). Employability skills development in the United Kingdom. *National Center for vocational education research (NCVER)*. Kensington Park. Australia.
- Tynja "la", P., Va "limaa, J. and Sarja, A. (2003), "Pedagogical Perspectives Into the Relationship Between Higher Education and Working Life", Higher Education, Vol. 46 No.2, pp. 147-66.
- Yahya, A., Suboh, A., Zakariya, Z., Yahya, F., (2005). *Keperluan pelatih merencanakan pelaksanaan latihan di industri*. Universiti Putra Malaysia.



Yassin, M. M. (2011). Majlis Pelancaran Kempen Skill Malaysia 2011. Dicapai pada November 25, 2011, dari:

http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=kepentingan%20kemahiran%20teknikal&source=web&cd=1&&ved=0CBoQFjAAODI&url=http%3A%2F%2Fwww.skillmalaysia.gov.my%2Findex.php%3Foption%3Dcom_docman%26task%3Ddoc_download%26gid%3D76%26Itemid%3D91&ei=FOXaTuCHAojsrAfh9nYDQ&usg=AFQjCNG-sRmkAllbwhPr2iILcl7n1TA_Sw&cad=rja

Zakaria, A. (1988). *Perceptions of industrial training and employability skills: A comparative study of the vocational school and MARA vocational institute*. PhD Dissertation. University of Pittsburgh.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH